



TEKS UCAPAN

MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) SYARIKAT MILIKAN RISDA

OLEH

**Y.BHG EN.ABDULLAH BIN ZAINAL
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN & KORPORAT) RISDA**

**DEWAN GEMALASARI, IBU PEJABAT RISDA
13 MAC 2020 (JUMAAT)
11.00 PAGI**

1. Saudara Pengacara Majlis
2. YBhg. Tn. Hj. Sopian bin Abu Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn. Bhd.
3. YBhg. Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA
4. Yang Dihormati Tuan Razim Mohd Noor
Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM
5. Yang Dihormati Tuan Izham bin Ibrahim
Penguasa SPRM
6. YBhg. Ketua-Ketua Jabatan Syarikat Milikan RISDA
7. Serta semua warga Syarikat Milikan RISDA yang dikasihi
sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya diberi kelapangan waktu dan kesihatan dapat kita berkumpul bersama bagi Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Syarikat Milikan RISDA. Saya difahamkan majlis ini merupakan kali pertama dilaksanakan oleh RISDA Holdings Sdn.

Bhd. untuk semua SMR di bawahnya. Tahniah diucapkan kerana berjaya melaksanakan majlis yang berintegriti dan bermanfaat ini beserta kehadiran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai penceramah jemputan.

Hadirin sekalian,

2. Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan satu inisiatif yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) yang bertujuan memberi penekanan dan meningkatkan iltizam untuk kita menjauhi penyalahgunaan kuasa khususnya rasuah. Ianya telah dilaksanakan di pelbagai kementerian, jabatan dan agensi di seluruh negara. IBR ini memberikan penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela agar sentiasa komited dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan tugas seharian.

3. Saya percaya warga SMR sentiasa mengambil berat isu berkaitan rasuah. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan oleh Pengurusan RISDA bersama SMR antaranya taklimat integriti, ceramah berkaitan kesan penyalahgunaan rasuah, hebahan bahan cetak benci rasuah dan sebagainya. Malahan Unit Integriti, Pejabat Ketua Pengarah RISDA juga telah melancarkan **Pelan Anti Rasuah RISDA 2019-2023 (RISDA Anti Corruption Plan (RACP) 2019-2023)** yang telah dilancarkan pada 13 November 2019 yang lalu. Pelan ini akan dijadikan panduan ke

arah melahirkan semua warga RISDA dan SMR yang bebas rasuah dan salah laku . Program yang kita adakan pada hari ini juga merupakan satu wadah yang terbaik agar kita sentiasa menjauhi diri dari melakukan amalan yang mempunyai unsur rasuah. Rasuah mungkin berlaku tanpa melibatkan duit, tetapi melalui perkara yang lain seperti penerimaan sumbangan, menyalahgunakan kuasa dan sebagainya.

4. Justeru itu, saya sentiasa berharap dan mendoakan agar kita semua dapat menjauhkan diri dari melakukan sebarang perlakuan rasuah selama mana kita bertugas di SMR ini. Sejak kebelakangan ini, banyak kita dapat baca di media massa berkaitan tangkapan dan pendakwaan pihak SPRM berkaitan jenayah rasuah di kalangan penjawat awam dan swasta. Ianya bukan sahaja melibatkan pegawai peringkat atasan malah turut membabitkan kumpulan pelaksana. Perbuatan rasuah juga akan menyebabkan imej, persepsi dan kepercayaan masyarakat

terjejas kepada sesuatu organisasi. Bak kata pepatah, 'Kerana Nila Setitik, Rosak Susu Sebelanga'. Saya amat percaya dan yakin semua warga SMR dapat menjauhi perbuatan ini demi menjaga imej baik diri sendiri, keluarga dan SMR khususnya.

Hadirin sekalian,

5. Sepertimana yang kita semua sedia maklum,
Penguatkuasaan Seksyen 17A (Corporate Liability) Akta

SPRM 2009 (Pindaan) telah dikuatkuasakan pada tahun ini yang menjadikan tanggungjawab seseorang Lembaga Pengarah amat besar dan perlu dipatuhi oleh semua Ahli Lembaga Pengarah. Dalam menentukan keputusan sesuatu perkara, ianya mestilah diperhalusi berkali-kali secara berhemah untuk kelulusan di peringkat Lembaga Pengarah dan bagi melaksanakan sesuatu keputusan ia mestilah mengikut saluran undang-undang, prosedur dan tatacara yang telah ditetapkan. Pentingnya kita memberi fokus kepada pematuhan Prosedur dan Peraturan Kewangan

pada setiap masa dalam membuat apa saja keputusan supaya tidak berlaku penyelewengan. Pematuhan kepada prosedur dan peraturan ini dalam membuat sebarang keputusan akan membawa kesan positif dalam jangka masa panjang di mana segala apa yang kita laksanakan akan menjadi lebih teratur dan selamat.

6. Saya menyarankan setiap Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) selaku Pentadbir Syarikat Milikan RISDA, memainkan peranan penting membantu Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dalam mencapai sesuatu keputusan yang dibuat bagi mengelakkan berlaku kerugian atau kepincangan dalam SMR. Semangat kerja berpasukan yang dilahirkan antara KPE dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dapat memastikan bahawa segala tadbir urus melahirkan sebuah jentera pengurusan yang berintegriti, amanah dan beretika.

7. Akhir kata, carilah rezeki yang halal lagi diberkati dan sentiasalah bersyukur dengan rezeki yang diterima. Bekerjalah bersungguh – sungguh dan berusaha memajukan diri dengan kudrat sendiri.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih